



REGIONAL CORRIDOR DEVELOPMENT AUTHORITY

NOTIS IKLAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa daripada firma perunding tempatan yang layak dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod bidang seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam pelawaan berikut:-

No. Ruj. Tender	Tajuk Tender	Syarat Penyertaan Tender	Yuran Dokumen (RM)	Tarikh / Masa Taklimat Tender	Tarikh / Masa Dokumen Pelawaan Dijual	Tarikh Tutup Pengambilan / Penjualan Dokumen Tender	Tarikh Tutup / Masa Penyerahan Dokumen Tender
SCORE/T/03/26/007	PELANTIKAN PERUNDING BAGI KAJIAN PENGUKUHAN RANTAIAN NILAI DAN BEKALAN BAGI MENYOKONG PEMBANGUNAN NEGERI SARAWAK SEBAGAI HAB PENGELUARAN MAKANAN NEGARA	Berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia Kod Bidang: 340101 (Kajian Organisasi) atau 340103 (Kajian Ekonomi) atau 340105 (kajian Pemasaran dan Penyelidikan) atau 340106 (Kajian Sumber Manusia) atau 340401 (Kajian Kewangan)	RM100.00 (Dokumen dijual dalam bentuk CD)	6 April 2026 (Isnin) Masa Pendaftaran: 2.30 Petang Masa Taklimat: 3.00 petang Tempat Taklimat: Auditorium, Level 1, LCDA Tower, Lot 2879, The Isthmus, Off Jalan Bako, 93050 Kuching	7 April 2026 (Selasa) hingga 13 April 2026 (Isnin) Masa: 9.00 – 11.00 pagi 2.30 – 4.00 petang (Isnin – Khamis) 9.00 – 11.00 pagi 3.00 – 4.30 petang (Jumaat)	13 April 2026 (Isnin), 12.00 tengahari	28 April 2026 (Selasa), 12.00 tengahari

2. Perunding yang ingin menyertai tender ini hendaklah memenuhi syarat penyertaan tender seperti yang dinyatakan atas.
3. Kehadiran ke taklimat tender adalah diwajibkan dan hanya perunding yang hadir sahaja akan dibenarkan membeli dokumen pelawaan. Perunding perlu membawa **sijil pendaftaran asal dan salinan** seperti di syarat penyertaan tender untuk semakan. **Hanya penama yang ditauliahkan di dalam sijil pendaftaran** seperti di syarat penyertaan tender sahaja **dibenarkan menghadiri taklimat tender dan membeli dokumen pelawaan**. Perunding yang hadir lewat dari masa pendaftaran yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
4. Dokumen pelawaan hanya akan dikeluarkan kepada perunding yang ditauliahkan di dalam sijil pendaftaran seperti di syarat penyertaan tender. Sila bawa bersama sijil pendaftaran asal seperti di syarat penyertaan tender beserta salinan-salinannya. (Salinan sijil dan dokumen-dokumen sokongan yang disertakan tidak akan dikembalikan).
5. Bayaran yuran dokumen pelawaan (dokumen dijual dalam bentuk CD) hendaklah dibuat dalam bentuk **Wang Tunai** atau **Sarawak Pay (Spay Global)** atau **Draf Bank** yang dibayar atas nama **Regional Corridor Development Authority**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.
6. Dokumen pelawaan tidak akan dikeluarkan selepas tarikh dan masa tutup seperti yang dinyatakan di atas.
7. **Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos** yang **diterima selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan** dan pihak Regional Corridor Development Authority (RECODA) tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan, kelewatan dan sebagainya ke atas dokumen yang dihantar melalui pos atau kurier.
8. **Cadangan Teknikal dan Cadangan Kos** yang telah disempurnakan hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat berasingan dan ditandakan "Cadangan Teknikal" dan "Cadangan Kos"** di sebelah kiri setiap sampul surat berkenaan serta mempunyai **catatan Nombor dan Tajuk Tender**. Dokumen pelawaan hendaklah diserahkan **selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari pada tarikh tutup** di alamat seperti di bawah.

Pengerusi
Lembaga Perolehan
Regional Corridor Development Authority
Level 1, LCDA Tower, Lot 2879
The Isthmus, Off Jalan Bako
93050 Kuching, Sarawak, Malaysia

9. Notis ini juga boleh disemak di laman sesawang <http://myprocurement.treasury.gov.my> dan <http://www.recoda.com.my/tenders-contracts/>.

Ketua Pegawai Eksekutif
Regional Corridor Development Authority (RECODA)
4 April 2026